

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

RUJUKAN : 9464

SOALAN :

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan bilangan majikan yang dipenjarakan dalam tahun 2013,
2014 dan 2015 atas kesalahan menggaji pekerja asing tanpa dokumen.**

JAWAPAN:

Langkah yang diambil terhadap majikan yang didapati menggunakan khidmat pekerja asing tanpa dokumen adalah dengan mengadakan operasi yang berterusan yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan. Sepanjang tahun 2013 sehingga tahun 2015, seramai 464 orang majikan telah ditangkap atas kesalahan menggaji pekerja asing tanpa dokumen.

Berdasarkan statistik dari tahun 2013 hingga tahun 2015, seramai 504 orang majikan telah didakwa di mahkamah dan didapati bersalah kerana menggaji pekerja asing tanpa dokumen serta dikenakan denda. Daripada jumlah tersebut, seramai 107 orang majikan dipenjarakan dan 19 orang dikenakan denda dan penjara.